



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA
FEBRUARI 2026**

Terma Perdagangan Malaysia pada Februari 2026 meningkat 0.3 peratus kepada 124.9 mata berbanding bulan sebelum.

PUTRAJAYA, 27 MAC 2026 – Indeks nilai seunit eksport Malaysia pada Februari 2026 mencatatkan penurunan 0.01 peratus daripada 153.12 mata pada bulan sebelumnya kepada 153.11 mata. Manakala indeks nilai seunit import juga menurun 0.3 peratus daripada 123.0 mata kepada 122.6 mata. Sementara itu, terma perdagangan Malaysia meningkat 0.3 peratus bulan ke bulan daripada 124.5 mata kepada 124.9 mata pada Februari 2026, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **Indeks Perdagangan Luar Negeri (2010=100), Februari 2026** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan indeks nilai seunit eksport menurun 0.01 peratus pada Februari 2026 disumbangkan oleh kejatuhan dalam indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-1.8%), barang-barang keluaran kilang (-0.5%) dan minyak galian (-0.2%). Indeks volum eksport turut menurun 10.8 peratus selaras dengan penurunan dalam indeks minyak galian (-18.0%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-13.7%) dan barang-barang keluaran kilang (-11.4%). Sementara itu, indeks volum eksport pelarasan bermusim menurun 11.2 peratus daripada 179.0 mata kepada 158.9 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, kedua-dua indeks nilai seunit dan indeks volum eksport meningkat 1.1 peratus dan 9.5 peratus.


Indeks nilai seunit import juga menurun 0.3 peratus pada Februari 2026, disumbangkan oleh penurunan dalam indeks minyak galian (-5.4%), bahan kimia (-0.4%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.1%). Sementara itu, indeks volum import turut menurun 8.2 peratus pada Februari 2026 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh penurunan dalam indeks minyak galian (-21.3%), barang-barang keluaran kilang (-15.8%) dan bahan kimia (-12.9%). Indeks volum import pelarasan bermusim menurun 9.0 peratus daripada 168.0 mata kepada 152.9 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import menurun 4.3 peratus manakala indeks volum import menaik 13.0 peratus.

Terma perdagangan Malaysia meningkat 0.3 peratus bulan ke bulan kepada 124.9 mata pada Februari 2026, didorong oleh kenaikan dalam indeks minyak galian (+5.5%), bahan mentah tidak boleh dimakan (+1.2%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+0.8%). Manakala terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun bertambah 5.7 peratus daripada 118.2 mata pada Februari tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 MAC 2026



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

MEDIA STATEMENT

**EXTERNAL TRADE INDICES, MALAYSIA
FEBRUARY 2026**

Malaysia's Terms of Trade in February 2026 increased by 0.3 per cent to 124.9 points compared to the previous month.

PUTRAJAYA, MARCH 27, 2026 – Malaysia's export unit value index in February 2026 decreased by 0.01 per cent from 153.12 points in the previous month to 153.11 points. The import unit value index also decreased by 0.3 per cent from 123.0 points to 122.6 points. Meanwhile, Malaysia's terms of trade increased 0.3 per cent month-on-month from 124.5 points to 124.9 points in February 2026 as reported today in released the **External Trade Indices (2010=100), February 2026**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, the export unit value index declined by 0.01 per cent in February 2026, attributed to decreases in the index of animals & vegetable oils & fats (-1.8%), manufactured goods (-0.5%) and mineral fuels (-0.2%). The export volume index also decreased by 10.8 per cent in line with the declined in the indices of mineral fuels (-18.0%), machinery & transport equipment (-13.7%) and manufactured goods (-11.4%). Meanwhile seasonally adjusted export volume index decreased by 11.2 per cent from 179.0 points to 158.9 points. Referring to the annual comparison, both the exports unit value index and the volume index expanded by 1.1 per cent and 9.5 per cent respectively.


The import unit value index also declined by 0.3 per cent in February 2026, resulting from the decreases in the indices of mineral fuels (-5.4%), chemicals (-0.4%) and machinery & transport equipment (-0.1%). The import volume index also decreased by 8.2 per cent in February 2026 as compared to the previous month, driven by the decreases in the indices of mineral fuels (-21.3%), manufactured goods (-15.8%) and chemicals (-12.9%). The seasonally adjusted import volume index decreased by 9.0 per cent from 168.0 point to 152.9 points. A year-on-year comparison showed that the import unit value index declined by 4.3 per cent, while volume index edged up by 13.0 per cent.

Malaysia's terms of trade increased 0.3 per cent month-on-month to 124.9 points in February 2026, driven by the increase in the index of mineral fuels (+5.5%), inedible crude materials (+1.2%) and miscellaneous manufactured articles (+0.8%). Meanwhile, Malaysia terms of trade increased 5.7 per cent year-on-year from 118.2 points in February previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census 2026 (BE2026), themed “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. The sixth Economic Census, running from 5th January to 31st October 2026. BE2026 aims to collect comprehensive, structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

Open DOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
27 MARCH 2026